



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/6/2011

Dialog tumpu cabaran global

PM bakal umum inisiatif baru perkukuh hubungan Malaysia, Afrika

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengumumkan inisiatif baru bagi mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Afrika pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2011 yang bermula di sini, esok.

Najib, yang akan mempengerusikan LID pertamanya sejak menjadi Perdana Menteri pada 2009, berkata satu 'dokumen pencapaian' bakal disediakan bagi menggabungkan cadangan yang dibuat ketika dialog itu, yang memerlukan tindakan susulan dan ini akan dibincangkan pada dialog akan datang.

"Ini akan sama seperti LID 2007 yang mengguna pakai dokumen pencapaian bertajuk 'Pelan Tindakan Ke arah Masa Depan LID 2007,'"



katanya kepada *BERNAMA* di sini, semalam.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata, pelbagai model Malaysia yang menumpukan kepada rakyat boleh bertindak sebagai ka-

jian kes untuk negara peserta lain dalam LID bagi menimbangkan usaha mereka ke arah mengubah masyarakat dan pentadbiran mereka sendiri.

Dalam hal ini, beliau berkata, pemimpin akan bertukar idea dan berkongsi amalan terbaik supaya mereka mempelajari daripada sesama mereka ketika dialog tiga hari berkenaan.

"Perkongsian pengalaman transfer masi dan kajian kes akan membantu kita semua. Dengan keunikan setiap negara yang mengambil bahagian, bukan apa yang diuji dalam semua negara boleh berjaya di negara lain, keterbukaan dan kesediaan yang lebih lagi untuk berkongsi pengalaman akan membo-

lehkan kita mempelajari antara satu sama lain," katanya.

Ini juga, kata beliau, akan membawa kepada perbincangan mengenai idea baru dan inovatif terhadap transformasi dan menyediakan peluang baru bagi Malaysia dan negara-negara Afrika.

Pemimpin atau wakil dari 16 negara akan menghadiri LID, yang berlangsung buat pertama kalinya di luar Langkawi, pulau peranginan terkenal Malaysia sejak dimulakan pada 1995.

Najib berkata, Malaysia memutuskan yang LID 2011 akan memberi tumpuan kepada isu pembangunan dan sosioekonomi bagi mencerminkan realiti baru dan cabaran global semasa.